



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT KEDUA

SHAH ALAM 16 JUN 2014 (ISNIN)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Hajah Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Dato' Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafie (Sri Muda)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus
PMW., PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Tuan Sulaiman Bin Abdul Razak
S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Puan Halimaton Saadiah Binti Bohan
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

TIDAK HADIR

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)
(Timbalan Speaker Dewan Negeri)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Encik Mohd Khairul Ashraff Bin Radzali
Ketua Penolong Setiausaha

Puan Diana Binti Shuwardi
Penolong Setiausaha

Puan Noor Diana Binti Razali
Penolong Setiausaha

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha

Puan Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Bentara

Encik Mohd Saifulnizam Bin Hasmawi
Encik Ibrahim Bin Mat Mom

Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid
Puan Hajah Noridah Binti Abdullah
Pelapor Perbahasan

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahir rahmanir rrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat di Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor ke Tiga Belas pada 16 Jun 2014 dimulakan dengan bacaan doa.

I. DOA.

II. PROKLAMASI

SETIAUSAHA DEWAN: Proklamasi: OLEH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J., dengan kurnia Allah, Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Selangor Darul Ehsan serta segala daerah takluknya.

BAHAWASANYA Fasal (1) Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, memperuntukkan bahawa DULI YANG MAHA MULIA SULTAN hendaklah dari semasa ke semasa melalui Proklamasi yang disiarkan dalam *Warta* memanggil Dewan Negeri :

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J., dengan kurnia Allah, Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Selangor Darul Ehsan serta segala daerah takluknya, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA di bawah Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, dengan ini memanggil Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 16 Jun hingga 20 Jun dan 23 Jun hingga 27 Jun 2014 dan pukul 10.00 pagi kecuali hari Jumaat pukul 9.30 pagi, sebagai tarikh dan waktu bagi Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Yang Ketiga Belas yang akan diadakan di Dewan Negeri Selangor, Shah Alam.

DIPERBUAT di Istana Alam Shah, Klang pada 29 hari bulan Mei 2014.

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor,

TUAN SPEAKER: Selamat sejahtera dan selamat datang kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli EXCO, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri, Pegawai-pegawai Kerajaan dan para pemerhati sekalian.

Bertemu lagi dalam mesyuarat kedua Dewan yang mulia ini bagi penggal kedua Dewan Negeri Selangor. Sebelum saya memulakan persidangan pada kali ini saya ingin mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa Dewan merupakan satu institusi yang mempunyai kedudukan tersendiri dan perlu dihormati. Seperti yang kita sedia maklum sidang dewan kita pada kali ini telah diberi liputan yang meluas oleh media masa terutamanya berkenaan usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Sungai Air Tawar. Di kesempatan ini saya ingin mengingatkan kesemua Ahli Yang Berhormat baik daripada pihak kerajaan atau pihak pembangkang untuk menjaga nama baik Dewan Negeri Selangor sebagai sebuah institusi yang istimewa dengan tidak menjadikannya sebagai satu wadah mainan politik. Sebagai seorang Speaker saya harus berlaku adil kepada semua Ahli Yang Berhormat. Keputusan saya untuk meluluskan usul tersebut dilihat tidak bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan kerana ia memberi ruang dan peluang kepada kesemua Ahli Yang Berhormat untuk berhujah sama ada kajian bagi pelaksanaan hudud perlu dilakukan atau sebaliknya. Untuk pengetahuan semua Dewan Negeri Selangor tidak pernah teragak-agak untuk berhujah mengenai usul-usul ADUN walaupun dibawa oleh pihak pembangkang. Sebagai seorang Speaker saya perlu melakukan satu-satu tugas itu berpandukan kebenaran dan bukan ketakutan. Oleh yang demikian tugas saya adalah untuk memastikan semua Ahli Yang Berhormat diberi peluang untuk berhujah mengenai isu-isu yang dirasakan penting untuk dibincangkan dan segala keputusan terletak pada kebijaksanaan kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam dewan yang mulia ini. Oleh itu saya memberi peringatan keras kepada semua Ahli Yang Berhormat agar tidak menyalahgunakan dan mencabuli peraturan mesyuarat ketika mencadangkan usul untuk dibahasakan. Walaupun Ahli Yang Berhormat mempunyai hak untuk membentang dan menarik balik sesuatu usul tabiat ini tidak digalakkan kerana Ahli-ahli Yang Berhormat sepatutnya menjunjung dan memelihara kemuliaan Dewan Negeri Selangor dan tidak memperlakukannya secara cuai ataupun sembarangan. Justeru setiap usul yang dicadangkan untuk dibahasakan di dewan yang mulia ini patutlah mengambil kira pelbagai faktor seperti *sense of urgency* ataupun yang melibatkan kepentingan rakyat. Janganlah disebabkan oleh kepentingan segelintir pihak sesuatu usul itu dicadangkan. Harus diingatkan untuk setiap usul dibahasakan ia melibatkan pelbagai pihak tidak termasuk usaha dan tenaga yang perlu disumbangkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, gunakanlah peluang ini dengan sebijak mungkin dan perjuangkan hak dan kepentingan rakyat Selangor sewajarnya dan Sistem Demokrasi Berparlimen yang menjadi tunjang keharmonian pentadbiran negeri yang kita sayangi ini. Tanpa melengahkan masa saya mempersilakan Setiausaha Dewan untuk meneruskan aturan mesyuarat pada pagi ini.

III. MEMBENTANGKAN KERTAS MESYUARAT

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya membentangkan kertas-kertas mesyuarat.

- i. Kertas Mesyuarat Bilangan 16 Tahun 2014
 - Cadangan Pindaan kepada Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor .
- ii. Kertas Mesyuarat Bilangan 17 Tahun 2014
 - Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri, JP-ABAS bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan Polens (M) Sdn Bhd.
- iii. Kertas mesyuarat Bilangan 18 Tahun 2014
 - Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai pembasmian kemiskinan JPK Pembasmian Kemiskinan bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan Skim Selangor *Free Water Apartment* (SAFWA).
- iv. Kertas Mesyuarat Bilangan 19 Tahun 2014
 - Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai pembasmian kemiskinan JPK Pembasmian Kemiskinan bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan pengurangan diskaun cukai taksiran oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
- v. Kertas Mesyuarat Bilangan 20 Tahun 2014
 - Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai keupayaan, kebertanggungjawaban dan *ketelusan The Select Committee of Competency, Accountability and Transparency* (SELCAT) berhubung strategi pilihan pengurusan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) pelaksanaan integriti PAC.

Aturan urusan mesyuarat yang seterusnya Pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER: Baiklah saya jemput Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker, soalan no.1.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : **PROJEK PEMBINAAN LEBUH RAYA PANTAI BARAT (LPB)**

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar;

- a) Sila perelaskan apakah status terkini pembinaan LPB?
- b) Sila nyatakan apakah kekangan utama yang menyebabkan proses pembinaannya masih tertangguh walaupun sudah berulang kali diwar-warkan?
- c) Sila nyatakan sejauh manakan impak projek LPB terhadap pembangunan ekonomi Selangor dalam tempoh jangka pendek dan jangka panjang?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Tuan Speaker. Sekinchan bertanya berkaitan dengan Projek pembinaan Lebuh raya Pantai Barat (LPB) berkaitan dengan status terkini, kekangan dan juga impak daripada projek tersebut. Projek pembinaan Lebuh raya Pantai Barat (LPB) masih tertangguh disebabkan beberapa faktor seperti proses penyediaan pelan pengambilan balik tanah (Seksyen 4) yang masih dilaksanakan secara berperingkat walaupun terdapat sebahagiannya telah memasuki proses pewartaan berdasarkan kepada Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960.

Kekangan utama pembinaan projek ini ialah *condition precedent* (CP) yang telah dikenakan kepada pihak West Coast Expressway Sdn Bhd setelah perjanjian telah ditandatangani pada bulan Januari 2013. Antara syarat-syarat di bawah CP yang dikenakan ialah pengesahan bukti pembiayaan dan mengadakan bancian / tinjauan umum (*public opinion survey*) mengenai cadangan pembinaan lebuh raya ini. Setelah semua keperluan ini dipenuhi, perjanjian konsesi yang telah ditandatangani dapat dikuatkuasakan. Selain daripada itu, Pihak Berkuasa Negeri dengan telah menyatakan pendirian bahawa beberapa syarat perlu dipatuhi dalam pelaksanaan projek LPB ini iaitu, pertama, perjanjian yang adil (tidak berat sebelah) iaitu tidak memihak hanya kepada pemegang konsesi. Kedua, meletakkan kepentingan awam sebagai keutamaan dan yang ketiga memasukkan ke dalam perjanjian klausa penamatan awal (*early termination clause*) iaitu sekiranya pemegang konsesi telah mencapai *projected profit* bagi projek ini lebih awal daripada tempoh konsesi tamat, maka perjanjian hendaklah ditamatkan lebih awal setelah permohonan di bawah Seksyen 3 Akta Pengambilan Tanah 1960 dibuat.

Pembinaan projek Lebuh Raya Persisiran Pantai Barat telah dikenal pasti oleh pihak LLM bertujuan menampung keperluan lalu lintas semasa dan akan datang. Ia juga bertujuan untuk mengurangkan kesesakan trafik di lebuh raya sedia ada yang mengalami kesesakan pada waktu puncak dan musim perayaan serta menyediakan jalan hubungan di antara lebuh raya-lebuh raya sedia ada untuk kemudahan pengguna.

Pembinaan Lebuh Raya Persisiran Pantai Barat ini akan membantu perkembangan sosio-ekonomi serta menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi melalui

pertumbuhan kawasan perindustrian dan bandar-bandar baru serta pembangunan penempatan baru terutama di sepanjang koridor lebuh raya. Ia akan merangsang pembangunan sosio-ekonomi sepanjang jajaran koridor kepada penduduk sekitarnya dan nilai hartanah di sepanjang jajaran lebuh raya juga akan naik mendadak.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya tentang adakah Kerajaan Negeri dimaklumkan tentang bagaimanakah jajaran yang dilalui dan jalan yang diguna pakai untuk pembinaan lebuh raya LPB ini khususnya di daerah Sabak Bernam. Yang kedua, berapakah tanah yang melibatkan yang telah diambil alih oleh LLM menggunakan tanah Kerajaan Negeri. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Sekinchan. Secara dasarnya Kerajaan Negeri telah dimaklumi berkaitan dengan jajaran ini terutamanya juga melibatkan jajaran daripada Tanjung Karang dan Sabak Bernam ia adalah naik taraf jajaran jalan yang sedia ada yang mana ia adalah menaiktaraf empat laluan dua hala dua *lane undivided carriageway* kepada dua laluan sehalu *two lane divided carriageway* di mana jejambat dan pusingan U (U Turn) akan disediakan di persimpangan-persimpangan lokasi yang ditentukan bagi memudahkan penduduk-penduduk kampung. Berkaitan dengan jumlah tanah yang terlibat saya tiada maklumat buat masa ini dan Insya-Allah saya akan kemukakan kepada Sekinchan. Terima kasih.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya adalah adakah Kerajaan Negeri telah menjalankan kajian-kajian kesan impak kepada masyarakat tentang pelaksanaan lebuh raya tersebut. Yang kedua, adakah Kerajaan Negeri sedar...

TUAN SPEAKER: Satu soalan tambahan sahaja Yang Berhormat.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Dan apakah bantahan-bantahan adakah Kerajaan Negeri sedar ada bantahan-bantahan daripada penduduk-penduduk terutamanya dari kawasan Sabak Bernam dan juga di kawasan Tanjung Karang, tentang beberapa cadangan jajaran ini. Dan apakah penyelesaian kepada masalah tersebut.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Sungai Burong. Saya kira walau pun yang akan terlibat adalah Negeri Selangor termasuklah rakyat atau pun masyarakat di kawasan itu tetapi tanggungjawab dalam pembinaan lebuhraya ini adalah tanggungjawab kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia, yang mana saya kira kajian-kajian yang telah dilakukan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia. Dan setakat ini dipihak Kerajaan Negeri kita tidak ada kajian khusus. Walau pun begitu kita mengambil kira mungkin beberapa pandangan-pandangan daripada masyarakat untuk kita ambil kira di dalam proses pembangunan Lebuhraya ini terutamanya yang melibatkan jajaran-jajaran dan juga tanah yang akan diambil alih. Dan juga impak kepada sosial ekonomi kawasan-kawasan yang terlibat.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima kasih Tuan Speaker. Saya tertarik kepada jawapan Yang Berhormat EXCO tadi berkenaan penamatan kutipan tol jika syarikat telah mengambil keuntungan yang sepatutnya. Boleh tak Kerajaan Negeri Selangor memastikan adakah sama ada kerajaan Negeri Selangor sudah melihat konsesi *agreement* atau pun belum lagi untuk memastikan klausa-klausa tersebut sudah ada di dalam konsesi.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih, saya kira hasrat kerajaan Negeri Selangor melihat kepada kepentingan rakyat atau pun pengguna itulah antara beberapa perkara yang kita letakkan sebagai syarat-syarat yang seharusnya dipatuhi oleh LPB dalam projek LPB ini. Dan setakat ini saya kira kerajaan negeri masih belum lagi melihat perjanjian konsesi atau pun CA di antara pihak-pihak yang terlibat.

TUAN SPEAKER: Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih Puan Speaker, soalan kedua.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(TERATAI)**

TAJUK: KENAIKAN TARIF AIR

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah Kerajaan Negeri tidak akan menaikkan tarif air dalam masa 5 tahun memandangkan rakyat Selangor menghadapi masalah bekalan air?

- b) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri akan lakukan untuk memastikan bekalan air mencukupi kepada rakyat, terutamanya di DUN Teratai?
- c) Mengapakah kawasan Zon 24 MPAJ masih menghadapi masalah bekalan air walau pun catuan air telah tamat?

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR: *Bismillahir rahmannir rahim.* Puan Speaker, Teratai bertanya tentang kenaikan tarif air. Adakah kerajaan akan menaikkan tarif air dalam masa 5 tahun dan memandangkan rakyat Selangor menghadapi masalah bekalan air. Jawapan yang pertama ialah kalau konsesi SYABAS di teruskan sudah tentu perjanjian kita telah memastikan yang SYABAS boleh membuat kenaikan tarif dan pada tahun 2006, harga tarif ialah RM1.39 meter padu. Pelarasan kedua ialah pada 2009 RM1.90, pelarasan ketiga pada 2012 RM2.38, pelarasan keempat 2015 RM2.86 dan hingga akhirnya kenaikan kepada RM3.83. Walau bagaimanapun, hanya pelarasan pertama sahaja telah diterima oleh kerana ia telah diluluskan tetapi pelarasan harga kedua Kerajaan Negeri tidak menerimanya, tidak ada kenaikan pada masa tersebut. Dan Kerajaan Negeri berpendapat perlu diadakan penyusunan semula perkhidmatan air di Selangor untuk memastikan kenaikan air tidak seperti dalam perjanjian SYABAS.

Apakah aspek-aspeknya. Satu kita menjurus kepada penamatan perjanjian-perjanjian konsesi air sedia ada yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Negeri Selangor dengan pemilik konsesi. Kedua meneliti dan menyusun semula kos operasi terutama pembelian air terawat pada masa ini dan kita perlu menentukan harga yang terbaik untuk pembelian. Ketiga mengenakan tarif air pada kadar yang munasabah dan berasaskan prestasi dan pencapaian KPI syarikat pengendali perkhidmatan. Keempat memastikan struktur baru yang diwujudkan mengutamakan peningkatan tahap kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan serta memperkukuhkan integriti, daya saing dan kemapanannya atau pun antara lain mengurangkan *non revenue water* pada keadaan yang sekarang ke-33% kepada 15% atau pun kita tahapkan 20% ke-15%. Kelima melibatkan Pengurusan Aset Air Berhad PPAB di peringkat awal dalam proses pengambilan dan penyusunan semula ini.

Untuk makluman Dewan, proses penyusunan semula sudah bermula dengan persetujuan pemilik saham dari Puncak Niaga Sdn Bhd dan juga pemilik saham 70% SYABAS iaitu Puncak Niaga Sdn Bhd bersetuju untuk menerima tawaran daripada kerajaan negeri dan proses pengambilan alih sekarang ialah dalam proses memastikan pelaksanaan perjanjian-perjanjian tersebut.

Kedua soalan yang dikemukakan adakah langkah kerajaan untuk memastikan bekalan air mencukupi kepada rakyat. Jawapannya kita sudah mempunyai program-program yang mana air mentah dan juga air terawat akan dipertingkatkan

dan antara lain ialah program membangunkan Projek *Hybrid of River Augmentation Storage/System* (HORAS) yang sekarang kita laksanakan. Dan juga perjanjian dengan Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan Langat 2. Soalan yang ketiga yang dibangkitkan oleh Teratai ialah masalah kawasan Zon 24 MPAJ masih menghadapi masalah bekalan air. Dan saya telah menerima jawapan yang telah dikeluarkan oleh SYABAS iaitu kawasan Zon 24 MPAJ telah mendapat bekalan air tetapi masalah yang dihadapi adalah tekanan yang rendah. Kebanyakan paip utama dan paip komunikasi di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya adalah dari jenis Galvanise Iron dan Asbestos Cement. Paip-paip ini kebanyakannya telah mencukupi usia 40 tahun dan akibat faktor usia tersebut, pengaratian dalaman paip berlaku menyebabkan saluran paip menjadi sempit dan kecil. Oleh itu, air tidak dapat disalurkan ke premis pengguna dengan cukup menyebabkan tekanan air menjadi rendah. Saya baca jawapan daripada SYABAS dan kita telah menubuhkan satu *team* baru untuk mengetahui sebenarnya apakah masalah-masalah yang logistik dari segi pengaliran air mentah.

TUAN SPEAKER: Meru.

Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN: Terima kasih Puan Speaker, soalan No. 3.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK: ZON INDUSTRI DI MERU

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah kilang haram yang wujud di zon-zon ini? Senaraikan.
- b) Adakah telah ada perancangan naik taraf infra jalan dan longkang di Jalan Teratai?
- c) Apakah status taraf jalan dan longkang di Jalan Salleh yang telah dibangunkan banyak industri?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, terima kasih kepada Meru. Meru menanyakan tentang zon industri di Meru. Sejumlah 192 kilang haram yang baru yang wujud selepas tahun 2008 hingga 2014 di kawasan Majlis Perbandaran Klang (MPK). Dan senarai kilang saya akan hantar secara lisan kepada Yang Berhormat Meru nanti dan mengikut semakan daripada JKR Selangor tiada perancangan untuk menaik taraf infra dan longkang di jalan Teratai dan Jalan Salleh. Walau bagaimanapun, dengan permintaan daripada Meru saya akan

kemukakan cadangan ini kepada pihak JKR supaya masalah dapat diselesaikan dengan cepat, sekian Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Tuan Speaker, soalan No. 4.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : SISTEM PENGUMPULAN DAN PENGGUNAAN SEMULA AIR HUJAN (SPAH)

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah yang telah diambil bagi melaksanakan SPAH seperti yang diperuntukkan oleh Akta?
- b) Bilakah pembangunan baru akan dikenakan syarat pemasangan SPAH?
- c) Apakah program galakan bagi penggunaan air hujan?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih kepada Tuan Speaker dan Hulu Kelang. *Bismillahir rahmanir rahim*, kerajaan Negeri Selangor melalui Pihak Berkuasa Tempatan telah menyambut baik dan melaksanakan Pelan Tindakan Kejiranan Hijau yang telah diwartakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang menggariskan agar *Rain Water Harvesting System* atau pun Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) ini diguna pakai di bangunan-bangunan kerajaan PBT dan juga individu-individu sebagai salah satu langkah penggunaan air yang berkesan adalah suatu yang baik. Pada masa yang sama, kerajaan Negeri Selangor bersama dengan pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan PBT akan mengadakan satu kajian bagi mengenal pasti potensi penggunaan sistem SPAH dan *On Side Detention* (OSD) untuk dimasukkan dalam pembinaan perumahan baru. Sebagai tanda, Kerajaan Negeri mengambil serius kepentingan SPAH, Pelan Tindakan Kejiranan Hijau ini, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah memilih sistem yang sama di bangunan Dewan Jubli Perak bertujuan untuk mengelakkan penggunaan air bersih bagi kerja-kerja pembersihan, penyiraman bunga dan *toilet flushing*. Seterusnya boleh menjimatkan pengurangan atau mengurangkan perbelanjaan bil air yang ditanggung oleh kerajaan negeri. Projek ini akan siap sepenuhnya pada bulan Ogos 2014.

Yang kedua Kerajaan Negeri melalui PBT telah mewajibkan setiap permohonan pelan pembangunan yang telah dikemukakan bagi rumah sesebuah berkembar dan

semua kategori bangunan berasingan yang mempunyai kawasan berbumbung melebihi 100 meter persegi mengadakan SPAH pada pelan dan bangunan tersebut selaras dengan pewartaan Pindaan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam Selangor 2012. Kerajaan negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pelancongan dan Alam Sekitar bercadang untuk menjalankan kempen kesedaran penjimatan bekalan air paip dan memanfaatkan air hujan melalui program-program yang akan dilaksanakan secara berperingkat di setiap Pihak Berkuasa Tempatan atau pun PBT. Pada masa yang sama suatu mekanisme akan dikenal pasti untuk mendidik rakyat Selangor untuk mengamalkan penggunaan air hujan untuk tujuan harian seperti membasuh halaman dan kereta serta juga bagi tujuan tanaman. Saranan ini juga akan diperluaskan di seluruh PBT untuk menggunakan tadahan air hujan ini bagi tujuan untuk penyiraman pokok-pokok landskap. Suatu siri program yang berterusan akan dirangka bagi memastikan program ini berjalan dengan jaya dan berkesan untuk jangka masa yang panjang.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Adakah pihak Kerajaan telah membuat kajian tentang kesan-kesan sampingan sekiranya pada satu tahap kritikal projek ini berjaya, maknanya banyak air dipungut dan kurang air di kawasan-kawasan yang sepatutnya ada.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Di mana yang saya umumkan bahawa sekarang ini kajian untuk mengenal pasti potensinya sedang dijalankan.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih, Puan Speaker. Saya rasa perkara ini adalah satu perkara yang sangat baru dan yang paling penting

TUAN SPEAKER: Soalannya, Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: soalan saya adalah Puan EXCO, Apakah cara-cara atau badan yang bersesuaian untuk menjalankan kepada pelaksanaan, Adakah PBT telah pun dilengkapi dengan kemahiran dan kepakaran yang ada ataupun ianya perlu bergantung kepada pihak-pihak luar ataupun secara konsultan untuk melaksanakannya.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Sekarang ini sepertimana yang kita umumkan kita masih lagi dalam peringkat kajian. Walau bagaimanapun benda ini ataupun peraturan ini telah pun dikuatkuasakan untuk digunapakai atau berkuatkuasa melalui Pindaan Kepada Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam Selangor 2012, jadi saya mengambil maklum akan cadangan perlu ada suatu badan

yang lebih berpengalaman, berkepakaran untuk memastikan bahawa kawalan ini dapat dilakukan dengan baik.

TUAN SPEAKER: Balakong

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, memandangkan sistem SPAH ini merupakan satu sistem yang dapat menjimatkan penggunaan air paip adakah pihak Kerajaan berhasrat ataupun merancang untuk memperluaskan ataupun mensyaratkan semua pembangunan termasuk rumah teres untuk menggunakan sistem ini?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Ianya adalah merangkumi semua kawasan di mana keluasan lombong melebihi 100 meter persegi jadi bermakna ke semua tidak kira apa saja bangunan yang mempunyai kawasan lebih daripada 100 meter persegi ianya akan terpaksa atau perlu menggunakan sistem SPAH ini. Cuma masalahnya dari segi rumah saya memahami soalan itu, samada kerajaan akan memperkenalkan satu insentif bagi rumah-rumah bagi pemaju untuk melaksanakan di rumah-rumah banglo ataupun rumah-rumah teres di mana dia punya keluasan kurang daripada 100 meter persegi dan ini kita boleh kaji tentang apakah insentif-insentif yang dapat diberikan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Puan Speaker, soalan No.5

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(KOTA ANGGERIK)**

TAJUK: PEMBANGUNAN TANAH TERBIAR

5. Terdapat banyak tanah-tanah terbiar yang telah diberi milik kepada rakyat Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan keluasan tanah-tanah terbiar mengikut daerah?
- b) Apakah langkah Kerajaan untuk memajukan tanah-tanah terbiar?
- c) Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk merampas tanah-tanah terbiar yang tidak diusahakan?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, Yang Berhormat Kota Anggerik, bertanyakan tentang pembangunan tanah terbiar. Pertama sejak 2008 Kerajaan Negeri telah mula membuat kajian tentang tanah-tanah milikan Kerajaan Negeri yang dikatakan tidak diuruskan dijaga dan walaupun pada dasarnya kita sudah mendapat maklumat-maklumat yang saya rasa cukup tetapi boleh jadi ada juga kawasan-kawasan yang belum kita pantau dengan rapi. Untuk ini buat masa sekarang kita telah mengenalpasti di daerah Petaling tak ada banyak tak ada pun tanah Kerajaan Negeri yang terbiar tetapi di Klang ada sepuluh lot luasnya 185 ekar, di Gombak ada lima lot, 271 ekar di Hulu Langat ada empat lot ataupun tapak 557 ekar, di Sepang ada enam lot 715 ekar, di Kuala Langat ada tiga lot dan jumlahnya 1380 ekar di Kuala Selangor ada enam lot 376 ekar, di Hulu Selangor lima lot 930 ekar, di Sabak Bernam ada empat iaitu jumlahnya ialah 2916 ekar dan juga Kerajaan sekarang telah mengadakan satu *task force* tanah *Unit Task Force* dan penyelidikan di Pejabat Tanah dan Galian Selangor untuk mengenalpasti tanah-tanah ini secara fizikal dan kita ada membuat perancangan untuk memajukan dan menentukan tanah-tanah ini dijaga dengan betul dan jika kita juga telah memberikan kuasa kepada *task force* ini untuk meminta Pasukan Penguatkuasaan Khas untuk pergi ke tapak-tapak dan untuk menentukan tanah ini tidak dicerobohi. Buat tanah yang terbiar yang tidak diusahakan oleh Kerajaan kita ada programnya dan jika kita berjaya dalam program ini kita juga akan pergi kesatu peringkat iaitu menentukan setiap tanah di Negeri Selangor ini digunakan dengan betul dan baik supaya hasilnya akan meningkatkan lagi keluaran dalam Negeri Selangor

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Soalan Tambahan

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Data yang diberikan tadi itu, adakah tanah milik Kerajaan sahaja. Soalan saya juga merangkumi apakah Kerajaan ada data tanah-tanah yang telah diberi milik yang terbiar.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker, datanya ada sebab saya tidak nyatakan di sini sebab dia masih dalam kajian. Kedua ada dua data yang paling penting yang kita dapati kita dapati ada hubungannya tanah terbiar dan pembayaran cukai. Apa yang nak saya nyatakan di sini terdapat juga pembayaran cukai tanah ini tidak dilakukan iaitu pemilik-pemilik tanah tidak membayar cukai-cukai tanah bukan satu tahun tetapi hampir sepuluh tahun tetapi bila kita buat kajian kita dapat terdapat keadaan di mana bukan sahaja mereka tidak membayar cukai tanah tetapi mereka tidak menjaga tanah-tanah ini dan ini telah kita mula lakukan iaitu nak mengambil alih ataupun merampas tanah-tanah ini kerana dengan cara itu pemilik tanah kena buat keputusan samaada melepaskan tanah itu kepada Kerajaan Negeri ataupun menggunakan tanah seperti yang dijanjikan dalam penerimaan hak milik tanah tersebut.

Jawapan sekarang oleh kerana perkara ini perkara baru oleh kerana saya ingin Kerajaan tunjukkan contoh iaitu semua tanah-tanah Kerajaan dijaga dengan baik dengan betul barulah kita pergi ke peringkat yang kedua untuk menentukan pemilik-pemilik tanah di Negeri Selangor menjaga tanah mereka dengan baik dan membayar cukai mereka dengan cepat.

TUAN SPEAKER: Soalan tambahan, Taman Medan

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Terima kasih, Puan Speaker, Soalan ke-6.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: PELABUHAN KLANG SEBAGAI *SHIPPING HUB*

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar

- a) Pelabuhan Klang terletak dalam sistem laluan pengangkutan maritim dunia dan merupakan di antara 35 pelabuhan yang terpenting dalam dunia maritim. Apakah usaha kerajaan negeri mengambil manfaat ini menjadikan Pelabuhan Klang sebagai penjana ekonomi negeri?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker, Taman Medan membangkitkan tentang isu Pelabuhan Klang sebagai *Shipping Hub*. Saya rasa ini memang Pelabuhan Klang adalah dianggap pelabuhan utama di Negara Malaysia dan ianya mempunyai dua pelabuhan satu yang di gelar North Port dan satu di gelar West Port dan walau bagaimanapun kuasa dalam pembangunan Pelabuhan Klang ini di bawah *Port Klang authority*, ataupun yang di bawah jagaan Kementerian Pengangkutan, oleh sebab itulah jika Yang Berhormat mengikuti perbincangan dalam akhbar mengenai masalah pembangunan tanah-tanah yang menyebabkan kerugian beribu juta oleh pemaju LPK Lembaga Pelabuhan Klang itu semuanya di bawah kelolaan dan jagaan Kementerian dan Kerajaan Persekutuan.

Walau bagaimanapun sebelum 2008, wakil Lembaga Pengarah LPK, ataupun Lembaga Pelabuhan Klang itu antara wakilnya ialah termasuk wakil dari Kerajaan Negeri selepas 2008 Kerajaan Persekutuan tidak menerima cadangan untuk Ahli EXCO Negeri menjadi Ahli Lembaga Pengarah Pelabuhan Klang oleh sebab itu, saya telah mengambil beberapa keputusan dalam perbincangan kita dengan Lembaga Pelabuhan Klang oleh kerana *leasehold* mereka adalah akan tamat tak berapa lama lagi. Jadi kita akan buat beberapa peruntukan baru untuk menentukan wakil dari Kerajaan Negeri dapat bersama dalam perkara ini supaya menentukan pembangunan Pelabuhan Klang selari dengan keinginan Kerajaan Negeri.

TUAN SPEAKER: Soalan Tambahan, Sungai Burong

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Terima kasih, Puan Speaker. Saya ingin lihat pembangunan Pelabuhan Klang ini terutamanya Pelabuhan Barat sebagai penting untuk menjana ekonomi

TUAN SPEAKER: Soalannya Sungai Burong...

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Soalannya adalah terdapat di situ penempatan-penempatan penduduk dan kampung-kampung yang sepatutnya dapat manfaat daripada pembangunan pelabuhan ini. Jadi apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membolehkan impak pembangunan yang berlaku di Pelabuhan Barat ini dapat nikmatnya diperolehi oleh kawasan setempat persekitarannya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker, perkara yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Sungai Burong, ialah dalam proses pelaksanaan kita dan kita telah meminta Central Spectrum iaitu anak syarikat di bawah KDEB yang mengelolakan pembangunan yang terbesar di Pulau Indah dan ada hubungannya dengan West Port untuk menentukan supaya perkampungan-perkampungan di Pulau Indah tersebut akan mendapat hasil ataupun dapat mengikuti dan termasuk dalam arus pembangunan kawasan tersebut. Sebagai wakil Dewan Negeri Pelabuhan Klang saya sendiri telah mula mengadakan perbincangan dan saya bersama dengan penjawat awam Negeri Selangor akan berjumpa mengadakan perbincangan dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri di Malaysia untuk menentukan Rancangan Malaysia Ke-11 ini memasukkan program-program memajukan Pelabuhan Klang dan juga menentukan kesan kemajuan itu dapat dinikmati oleh masyarakat setempat Klang dan juga Negeri Selangor.

TUAN SPEAKER: Soalan tambahan, Taman Medan

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Selain daripada pajakan tapak kepada Lembaga Pelabuhan Klang yang diberikan Kerajaan Selangor, apakah pulangan yang disyaratkan kepada LPK sebagai kepada negeri Selangor disebabkan penggunaan tapak di negeri Selangor dan adakah syarat-syarat ini akan diletakkan apabila tamat tempoh pajakan tu, diletakkan syarat-syarat yang mereka perlu penuhi sebagai bayaran, bayaran semula kepada kerajaan negeri.

Y.A.B. DATO MENTERI BESAR: Puan Speaker, saya tidak hendak menjawab isu itu sebab sekarang telah dalam kajian kita. Walau bagaimana pun kerajaan negeri, oleh sebab kebaikan hati Kerajaan Negeri masa dulu, dia telah menyerahkan pembangunan itu kepada kerajaan persekutuan dan tidak mengharap apa-apa balasan melainkan pembangunan di kawasan tersebut. Itu lah sebabnya, jadi

Kerajaan Negeri tidak mendapat apa-apa hasil. Sewa tanah pun terlalu rendah, malu untuk kita katakan sebab kita bersetuju untuk mendapat seringggit, jadi lebih baik kita cari jalan lain. Tapi untuk masa hadapan, pada saya pentingnya bukan pendapatan pada kerajaan negeri tetapi program-program yang dilaksanakan ataupun penanaman modal yang dilakukan akan menjurus kepada pembinaan kawasan-kawasan tersebut.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Terima kasih Puan Speaker, soalan no. 7.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : KEDUDUKAN KEMAJUAN NEGERI.

7. Bertanyakan kepada Y.A.B. Menteri Besar:

- a) Apakah ukuran dan indikator Selangor sebagai negeri termaju di Malaysia?
- b) Apakah langkah yang diambil kerajaan untuk meningkatkan kemajuan sedia ada?

Y.A.B. DATO MENTERI BESAR: Jika Sungai Burong membangkitkan satu isu iaitu pembangunan ekonomi, iaitu apakah ukuran indikator Selangor sebagai negeri yang termaju di Malaysia. Saya ingat negeri yang termaju di Malaysia ini diumumkan oleh kerajaan negeri sebelum 2008. Walau bagaimanapun saya telah mencuba merangka semula usaha ke arah pembangunan negeri Selangor. Jadi kita mesti menumpukan buat masa sekarang dalam bentuk pembangunan tenaga manusia ataupun *Human Development Indexs* iaitu kita, apakah angka tunjuk untuk itu yang kita boleh gunakan iaitu antara nya ialah kita mesti melihat *life expertise* maknanya kita tengok berapa tahun nampaknya negeri maju mempunyai penduduk yang boleh hidup lama, kedua *mean years of schooling iaitu di antara berapa ...*

Gross National Income yang kita telah buat. Dan *Gross National Income* yang kita telah... jadi untuk itu kita akan melihat sejauh mana negara Malaysia di tahap indeks-indeks tersebut. Jadi untuk pengetahuan dewan, negeri yang terbaik, lima (5) negeri yang terbaik, negeri maju yang terbaik mengikut ukuran-ukuran ini ialah Norway, Australia, Netherland, United State, New Zealand, Canada dan Ireland dan saya ingat Malaysia belum masuk lagi dalam angka yang ke100. Jadi oleh sebab itulah kita sekarang, walaupun bila saya masukkan angka tunjuk negeri Selangor

yang ada, angka-angka itu menunjukkan negeri Selangor boleh termasuk sebagai satu daerah dalam angka yang 100. ada indeks yang boleh kita gunakan. Jadi jawapan saya apakah langkah-langkah yang kita buat. Perancang bandar telah membuat program untuk membincangkan perancangan negeri Selangor sehingga 2035, dan ia akan mengambil kira apakah perkara yang patut kita lakukan supaya dapat menjana pembangunan untuk kebaikan rakyat negeri Selangor secara keseluruhannya.

TUAN SPEAKER: Telok Datok.

Y.B. TUAN LOH CHEE HENG: Terima kasih Puan Speaker, soalan no. 8.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
TUAN LOH CHEE HENG
(TELOK DATOK)**

TAJUK: PENYELENGGARAAN KOLAM TAKUNGAN SALIRAN MESRA ALAM (MSMA).

8. Siapakah agensi Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab menyelenggarakan Kolam Takungan Saliran Mesra Alam (MSMA) di kawasan taman perumahan setiap PBT?

Bertanya kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar:

- a) Sila menyatakan dalam rekod, berapakah MSMA yang ada di Daerah Kuala Langat?;
- b) Berapakah kos penyelenggaraan setiap satu MSMA?
- c) Adakah skop kerja-kerja yang meliputi di dalam kos penyelenggaraan tersebut ?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Puan Speaker, Telok Datok bertanyakan berkaitan dengan agensi kerajaan negeri yang bertanggungjawab dalam menyelenggarakan kolam takungan saliran mesra alam ataupun MSMA, rekod khususnya di daerah Kuala Langat, kos penyelenggaraan dan skop kerja. Berdasarkan kepada surat perbendaharaan negeri Selangor bilangan (35)PWN. Sel.(A). (R) 308/1/2 bertarikh 8 September 2005 kepada JPS negeri Selangor berhubung perkara memohon ulasan terhadap penyediaan kertas EXCO, permohonan tambahan peruntukkan bagi menyelenggarakan kolam takungan banjir negeri Selangor di bawah peruntukkan mengurus B13-50-500-28-00 ulasan perbendaharaan negeri adalah seperti berikut : Perbendaharaan Negeri berpendapat tanggungjawab untuk menyelenggarakan kolam takungan banjir di

seluruh Negeri Selangor adalah di bawah Pihak Berkuasa Tempatan bukannya JPS. Dalam perhubungan ini, pihak Berkuasa Tempatan akan menyediakan peruntukkan yang mencukupi bagi tujuan tersebut dalam bajet 2006. Berdasarkan minit mesyuarat cadangan penyelesaian isu dan masalah berkaitan kolam takungan saluran mesra alam yang diadakan pada 23 Mei 2011 yang dipengerusikan oleh Encik Baba bin Hassan Setiausaha Bahagian, Bahagian Sumber Air, Saliran dan Hidrologi, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, dalam mesyuarat tersebut menyatakan perkara 2.1(B) bahawa hak pemilikan bagi kolam takungan MSMA ini adalah di bawah hak kerajaan negeri memandangkan kolam takungan dibina atas tanah kerajaan negeri, dan penyelenggaraan juga hendaklah dibuat di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan yang berkaitan berdasarkan keputusan mesyuarat kabinet bertarikh 6 Jun 1996. JPS hanya bertanggungjawab bagi penyelenggaraan sungai dan kerja-kerja tambatan banjir. Secara umumnya terdapat 27 buah kolam yang direkodkan di daerah Kuala Langat. Kos penyelenggaraan yang diperlukan bagi setiap kolam adalah sebanyak 120,000 ringgit. Skop bagi kerja-kerja penyelenggaraan kolam takungan dan kos penyelenggaraan seperti mana yang dinyatakan di atas termasuklah kerja-kerja pemotongan rumput dan semak samun serta pembersihan sampah di dalam kolam takungan. Selain itu juga kerja-kerja pembersihan dan pembuangan kelodak serta pembaikan kerja *inlet* dan *outlet* kolam takungan tersebut. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih Speaker. Saya faham bila MSMA dikuatkuasakan ialah tahun 20 dan lepas, sebelum. Masalahnya ialah taman-taman sebelum 20,200 apakah tindakan kerajaan untuk atasi masalah banjir di dalam kawasan-kawasan ini. Adakah kerajaan akan bagi bantuan kepada majlis tempatan yang tak cukupi dana untuk mengatasi masalah ini untuk pengambilan tanah dan bina kolam-kolam di dalam kawasan-kawasan tertentu.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Seri Andalas. Saya kira di bawah kajian tambatan banjir yang kita ada, kita juga melihat beberapa kawasan-kawasan yang kepada banjir termasuklah kawasan Shah Alam, Klang dan beberapa kawasan yang lain. Dan kerajaan negeri juga melihat perkara ini dan kerajaan negeri bersedia untuk membantu. Kepada PBT-PBT yang mungkin tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi atas dasar yang kita amalkan selama ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ya Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Terima kasih Puan Speaker, Tujuan penyelenggaraan kolam-kolam takungan ini adalah untuk mengelakkan daripada banjir berlaku. Tapi saya dapati, adakah tujuan ini,

penjadualan penyelenggaraan ini walaupun dilaburkan tapi dia tidak selaras dengan penyelenggaraan saluran-saliran yang menyebabkan banjir. Saya nak bagi contoh, walaupun ada kolam takungan di kawasan Klang, tapi baru-baru ini apabila berlaku hujan lebat, Jalan Meru dan Jalan Haji Abdul Manan telah banjir dalam masa singkat disebabkan parit-parit tidak diselenggara mengikut jadual. Jadi apakah tindakan, apa ni, memastikan bukan saja kolam penyelenggaraan tapi penjadualan penyelenggaraan ini juga mestilah mengambil kira saluran-saliran di kawasan perumahan dan penempatan. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih kepada Sg. Burong di atas cadangan tersebut. Saya kira ini lebih kepada cadangan, pun begitu kerajaan negeri melihat beberapa perkara yang penyumbang kepada banjir yang berlaku di negeri Selangor ini bukan sahaja banjir-banjir dimusim tengkujuh tetapi banjir-banjir kilat yang berlaku dan antaranya sudah tentu kita kenal pasti hujan, taburan hujan yang lebat melebihi daripada kadar biasa dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan sistem saluran yang kita lihat memang ada kelemahan dan jadi pengurusan pembersihan longkang-longkang termasuk lah parit-parit semua ini yang saya kira sudah jadi perhatian kepada kerajaan negeri. Dan kita melihat semula bagaimana peruntukan yang kita sediakan. Ini dapat memberikan impak yang sebaik mungkin terutamanya dalam melihat juga waktu-waktu semasa dalam proses penyelenggaraan terutamanya waktu musim yang kita sudah kenal pasti bila waktu tengkujuh, bila waktu kemarau yang sesuai untuk kita lakukan. Jadi insya-Allah, dengan pandangan dan juga soalan dari Sg. Burong itu, kita akan mengambil kira untuk memperbaiki perkara-perkara yang berlaku banjir kilat terutamanya di kawasan yang terlibat selama ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Puan Speaker, soalan saya ke 9.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK: PELAKSANAAN OSC 3.0

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa banyak PBT telah mula mengguna OSC 3.0? Berapakah kos yang perlu dibiayai oleh setiap PBT?
- b) Apakah kelebihan berbanding sistem OSC yang lama?
- c) Berapa banyak sesi penerangan telah diadakan dengan pengguna-pengguna sistem OSC yang lama?

Y.B. DATO TENG CHANG KHIM: Puan Speaker, berdasarkan keputusan Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) dan Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) PBT:SPBT Bil.1/2014 bertarikh 7 Januari 2014, Model baru OSC ini iaitu OSC 3.0 ini berkuat kuasa mulai 2 Jun 2014. BPT akan menggunakan Model Baru OSC 3.0 ini mulai 1 Jun 2014 selaras dengan pekeliling tersebut. Bagi memastikan pelaksanaan prosedur ini berjalan lancar, mekanisme pelaksanaan perlu diperhalusi dan diperincikan kerana memberi implikasi terhadap prosedur dan proses kerja serta bebanan kerja di peringkat agensi teknikal dalaman dan luaran. Pelaksanaan OSC 3.0 tidak melibatkan pindaan undang-undang sedia ada, sehubungan itu tiada implikasi kos di peringkat PBT. Pelaksanaannya melibatkan penambahbaikan proses sedia ada selaras dengan amalan terbaik dunia.

b) Dalam OSC 2007, peranan OSC adalah hanya setakat kelulusan pelan sahaja manakala OSC 3.0 pemantauan OSC adalah secara menyeluruh iaitu dari peringkat mula penerimaan permohonan sehingga CCC dikeluarkan. Model baru Bank Dunia menaraf *regulatori* domestik bandar-bandar utama di dunia. 6 pertimbangan permohonan, notifikasi mula kerja, pemeriksaan interim, pemeriksaan akhir dan pengesahan bangunan yang diduduki. Pelaksanaan OSC 3.0 memberi faedah daripada aspek :

- i) Keseragaman urusan pengeluaran permit pembinaan;
- ii) Peningkatan kecekapan semua pihak terlibat;
- iii) Pengurangan kos pematuhan kepada pelabur;
- iv) Peningkatan pelaburan; dan
- v) Pertambahan peluang pekerjaan

c) Pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) telah mengadakan Bengkel Pemantapan Urusan Pengeluaran Permit Pembinaan bagi semua PBT dan Agensi Teknikal Luaran yang terdiri daripada pegawai-pegawai memproses telah diadakan di setiap negeri dari 14 Februari 2013 hingga 19 November 2013.

Agensi-agensi teknikal yang turut serta dalam bengkel-bengkel tersebut adalah terdiri daripada Unit OSC, Jabatan Perancang PBT, Jabatan Bangunan PBT, Jabatan Kejuruteraan PBT, Jabatan Landskap PBT, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri, Pejabat Tanah dan Galian, Pejabat Tanah dan Daerah, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Mineral dan Geosains, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Tenaga Nasional Berhad, Pihak Berkuasa Air Negeri,

Indah Water Konsortium Sdn Bhd / Majari Services Sdn Bhd dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

JKT juga telah menganjurkan Seminar Pemantapan Pemahaman kepada model baru OSC 3.0 terhadap 4 disiplin agensi teknikal di PBT sebanyak 4 siri melibatkan pegawai-pegawai dari unit OSC, Jabatan Perancang, Jabatan Bangunan dan Jabatan Kejuruteraan bertujuan memantapkan pemahaman dan penyesuaian OSC 3.0 kepada pegawai pemproses. 4 sesi telah diadakan pada 5 Mei 2014, 12 Mei 2014, 19 Mei 2014 dan telah berakhir pada 26 Mei 2014.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya ingin bertanya dengan pelaksanaan OSC 3.0 ini, ada tak ia dapat mempercepatkan dari segi kelulusan tempoh, *time frame* tu, dengan izin, sebab kita dapati bahawa banyak permohonan itu tertangguh di OSC disebabkan ulasan teknikal daripada agensi ataupun jabatan lain, lambat ataupun melewati tempoh yang telah ditetapkan dan menyebabkan banyak urusan yang seterusnya tertangguh. Jadi adakah dengan pelaksanaan ini akan singkatkan lagi tempoh masa dan macam mana mengatasi masalah kalau ada penangguhan daripada agensi ataupun ulasan teknikal agensi lain.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya, Tuan Speaker. Antara pembaharuan yang dibuat melalui OSC 3.0 ini adalah di mana ulasan-ulasan iaitu soal-soal teknikal telah pun diselesaikan pada peringkat pertama dan tidak lagi terlibat apabila dalam peringkat pertimbangan. Bererti, segala masalah teknikal itu akan diselesaikan pada peringkat pertama sebelum pemaju membentangkan permohonan mereka. Jadi itu akan menjimatkan masa. Jadi, bererti orang-orang yang benar-benar berkemampuan, yang profesional, hanya dapat melakukannya. Sebelum ini, terdapat mereka, walaupun konsultan tetapi tidak mempunyai keupayaan yang setaraf sebagai seorang profesional untuk membuat kerja-kerja seperti itu, oleh itu mereka perlu, pemaju perlu melantik profesional, yang benar-benar profesional, konsultan yang benar-benar arif dalam proses ini supaya masalah-masalah teknikal yang tidak perlu, yang tidak mungkin berlaku itu, tidak berlaku lagi. Jadi, itu disebabkan diadakan 6 proses, jadi bererti pemantauan juga lebih rapi daripada proses tersebut, perawalan sehinggalah proses pengeluaran CCC. Sementara itu, sistem yang ada pada, untuk OSC 2007, ia hanya melibatkan pertimbangan untuk kelulusan sahaja. Bererti, dia boleh lebih menyeluruh dan memastikan yang kerja-kerja yang profesional dapat dilakukan.

TUAN SPEAKER: Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Terima kasih Tuan Speaker, Soalan No. 10.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HJ. MOHD HASLIN HASSAN
(TANJONG SEPAT)**

TAJUK: PERTANIAN

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah usaha sokongan kerajaan Selangor bagi memastikan nasib golongan petani (padi) terbela dari sudut pendapatan bulanan?
- b) Apakah insentif kerajaan kepada golongan belia yang berminat dan telah berusaha menjadikan pertanian sebagai sumber pendapatan
- c) Adakah kerajaan bercadang untuk menetapkan produk pertanian mengikut daerah atau zon?

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Tuan Speaker, untuk jawapan bagi soalan (a), antara usaha kerajaan bagi memastikan nasib golongan petani padi terbela dari sudut pendapatan bulanan adalah melalui pelaksanaan Program *Natural Farming* di kawasan Barat Laut Selangor. Konsep program ini adalah membimbing pesawah melalui kumpulan-kumpulan kecil untuk menggunakan aset setempat secara optimum ke arah melaksanakan pertanian secara lestari di samping menjana pendapatan tambahan. Program ini juga merupakan salah satu strategi ke arah peningkatan hasil padi.

Sehingga tahun 2013, sebanyak 15 Pusat Komuniti Pertanian Lestari (*Natural Farming*) yang telah ditubuhkan di kawasan Barat Laut dan seramai 124 petani telah terlibat dalam program ini. Program ini mampu menjana purata pendapatan tambahan sebanyak RM1000 sebulan untuk petani dan pesawah yang terlibat hasil penjualan produk-produk *Natural Farming* yang dinamakan Sri Anak, Sri Bunga, Sri Buah.

Bagi soalan (b), golongan belia yang berminat untuk mengusahakan bidang pertanian, boleh memohon insentif melalui program-program seperti Pembangunan Taman Agroteknologi ataupun Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Kedua, Pembangunan Tanaman Makanan – Projek padi, sayur, buah, kelapa, tanaman ladang. Ketiga ialah Pembangunan Tanaman Industri iaitu projek nanas dan umbisi. Seterusnya ialah Pembangunan Industri Bunga dan Tanaman Hiasan – Projek Orkid dan bunga-bunga dan nurseri. Seterusnya ialah Pembangunan Industri Asas Tani, Pembangunan Pertanian Bersepadu iaitu Projek cendawan,

integrasi lebah, herba. Seterusnya Perkhidmatan Pengembangan dan Perundingan iaitu Program Latihan petani, seminar, kursus dan sebagainya. Seterusnya ialah Pembangunan Tanah Bermasalah iaitu Pembangunan pertanian di tanah gambut, asid sulfik, bekas lombong dan seterusnya ialah Pembangunan / Pengurusan Tanah Terbiar, iaitu pembangunan projek pertanian di tanah individu yang telah terbiar melebihi 3 tahun.

Bagi soalan (c)..

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Sabak, ada 3 minit sahaja untuk menjawab, kena ringkaskan.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Bagi soalan (c) berkaitan dengan pembahagian, pembahagian jenis-jenis produk pertanian mengikut daerah-daerah yang telah ditetapkan. Kerajaan melalui Jabatan Pertanian Negeri Selangor telah menetapkan produk pertanian mengikut daerah, walau bagaimanapun, tanaman-tanaman lain juga boleh ditanam di daerah-daerah berkenaan mengikut keperluan penduduk dan pasaran setempat. Produk pertanian mengikut daerah adalah seperti berikut:

1. Sabak Bernam – untuk padi, kelapa, herba
2. Kuala Selangor – padi, kelapa, herba
3. Sepang – umbisi (ubi, keledak), nanas, sayur-sayuran
4. Hulu Selangor – dusun buah-buahan, sayur-sayuran
5. Hulu Langat – betik, belimbing, sayur-sayuran
6. Klang – nanas, *rock melon*, cili
7. Kuala Langat – nanas, umbisi (ubi, keledak), tanaman singkat masa (jagung)
8. Gombak/Petaling – *rock melon*, cendawan, nangka

TUAN SPEAKER: Gombak Setia.

Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDWAN: Terima kasih Puan Speaker, Soalan No. 11.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDWAN
(GOMBAK SETIA)**

**TAJUK: SEMESTA BERI KEBENARAN UNTUK KONTRAKTOR
PEMBERSIHAN PASIR LONGKANG KONKRIT**

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah kerajaan untuk memastikan kontraktor pembersih pasir di longkang-longkang monsun dapat melakukan pelupusan pasir yang telah dikorek dan dilonggokkan supaya mengelakkan masalah banjir kilat dari berlaku?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker, Gombak Setia meminta penjelasan tentang Kumpulan Semesta memberikan kebenaran untuk kontraktor pembersihan pasir, longkang, konkrit. Sebenarnya, untuk dalam saluran air, dia di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran. Kontraktor-kontraktor itu biasanya dilakukan di bawah jagaan Jabatan Pengairan dan Saliran. Walau bagaimanapun, untuk memantau tentang pelupusan pasir dan pengangkutan pasir, dia di bawah jagaan Kumpulan Semesta Berhad. Saya telah meminta setiap minggu supaya Kumpulan Semesta Berhad dan juga JPS di bawah jagaan Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri memantau tentang kelulusan dan juga pelaksanaan pelupusan-pelupusan pasir di projek-projek yang tertentu supaya tidak ada keadaan yang kerja-kerja tebatan banjir tersebut akan tidak dapat dilaksanakan oleh sebab birokrasi yang setiap jabatan mempunyai kuasa di atas jabatan yang lain.

TUAN SPEAKER: Sri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Soalan No. 12.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. XAVER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(SRI ANDALAS)**

TAJUK: IKLAN-IKLAN HARAM

12. Iklan-iklan haram yang dilekatkan merata-rata tempat di kemudahan-kemudahan awam amat menyakitkan mata.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah tindakan yang boleh diambil terhadap pesalah-pesalah yang melekatkan iklan-iklan haram pada kemudahan awam?
- b) Mengapa tiada tangkapan atau pendakwaan terhadap pelaku-pelaku kesalahan yang boleh dikategorikan sebagai 'vandalisa'?
- c) Apakah tindakan jangka panjang Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menangani masalah iklan-iklan haram ini?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, tindakan yang diambil oleh PBT terhadap pesalah yang melekat iklan-iklan haram pada kemudahan awam adalah memberi notis dan mengenakan kompaun kepada individu dan syarikat yang

meletakkan iklan tanpa kebenaran PBT di bawah Undang-Undang Kecil Iklan dan mengemukakan senarai nombor telefon kepada pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk ditamatkan perkhidmatan. Kuasa PBT untuk membuat tangkapan adalah terhad. PBT hanya mengenakan kompaun terhadap pesalah di bawah Undang-Undang Kecil 2007 – Iklan atau Undang-Undang Kecil Vandalisa 2005. PBT akan mempertingkatkan lagi aktiviti rondaan dan penguatkuasaan bagi membanteras pihak yang sering memasang iklan haram. Dalam masa yang sama, bagi iklan-iklan termasuk iklan haram, yang merupakan iklan pinjaman wang oleh Syarikat Pinjaman Wang Berlesen, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebagai pihak yang mengeluarkan lesen kepada syarikat tersebut perlu mengambil tindakan atau langkah-langkah proaktif bagi bersama menangani masalah ini.

TUAN SPEAKER: Sri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Saya memang nampak sekarang iklan-iklan haram terutama dia daripada pinjaman wang ini. Yang sering kita turun, esok naik balik. Hari ini turun, esok naik balik. Adakah kerajaan negeri akan membuat sesuatu ataupun tindakan-tindakan keras akan diambil atas syarikat-syarikat lesen pinjaman wang ini yang burukkan kawasan-kawasan perumahan dan juga bandar.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, seperti yang telah pun diberikan dalam jawapan tadi, pihak yang berkuasa untuk mengambil tindakan yang keras adalah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana merekalah, kementerian tersebutlah yang mengeluarkan lesen. Sementara itu, PBT menghadapi kekangan kerana mengikut Akta Kerajaan Tempatan, kita hanya boleh mengenakan kompaun dan denda yang terhad. Oleh itu, kerajaan negeri telah pun dalam proses untuk menggubal satu enakmen untuk meningkatkan lagi hukuman terhadap apa itu, tindakan-tindakan vandalisa ini dan dengan harapan ia dapat dibentangkan ke dewan ini untuk memperoleh kelulusan dewan ini.

TUAN SPEAKER: Sg. Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingat isu, iklan dalam iklan ini terutamanya daripada pinjaman wang *along* yang haram ni, sangat berleluasa lah. Dan saya dapati bahawa tindakan-tindakan yang dilakukan walaupun kata ada kekangan tetapi tidak berkesan.

TUAN SPEAKER: Soalannya?

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Soalannya, apakah langkah-langkah untuk memastikan tindakan yang lebih berkesan sama ada menjalankan operasi sementara menunggu enakmen ataupun peraturan-peraturan

yang akan digubal akan dilaksanakan untuk memastikan supaya, bukan sahaja iklannya tapi kesannya daripada pinjaman-pinjaman *along* ini yang telah menjejaskan, orang kata, kehidupan terutamanya orang-orang yang berpendapatan rendah.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, saya mengulangi jawapan tersebut. Yang pertamanya, tindakan telah pun diambil dan diakui oleh Sri Andalas tadi. Tindakan diambil tapi diturunkan hari ini esok dinaikkan dua. Turun satu naik dua. Jadi, kita tidak boleh menghabiskan semua masa dan tenaga kita untuk turunkan iklan dan kita juga telah mengambil langkah untuk menghantarkan nombor-nombor telefon yang dipaparkan itu kepada SKMM, telah pun dibuat kerja itu dan juga telah pun diberi jawapan bahawa tindakan yang keras hanya boleh dilakukan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang mengeluarkan lesen kepada syarikat-syarikat tersebut. Oleh itu, masalah kita adalah kekangan di bawah Akta Kerajaan Tempatan di mana Rang Undang-Undang Kecil kita tidak boleh mengenakan hukuman atau tindakan yang melampaui kuasa yang diberikan oleh Akta Kerajaan Tempatan. Oleh yang demikian, kita sedang mempertimbangkan dan dalam proses untuk menggubal satu undang-undang baru bagi memberikan kuasa kepada pihak negeri untuk mengambil tindakan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih Puan Speaker, soalan saya No. 13.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK: FI LESEN

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Huraikan fungsi Jawatankuasa Rayuan Kenaikan Fi Lesen yang berfungsi di setiap PBT?
- b) Adakah semua PBT membentuk jawatankuasa ini?
- c) Nyatakan siapakah ahli-ahli Jawatankuasa bagi setiap PBT?

TUAN SPEAKER: Sungai Pinang

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM: Jawatankuasa Rayuan Fi Lesen berfungsi bagi mendengar masalah yang dihadapi masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga dan menyemak semula kadar fi lesen sekiranya rayuan mereka mempunyai asas

bagi memastikan peniaga mendapat keadilan ke atas fi lesen yang dikenakan. Pembentukan Jawatankuasa Rayuan Fi Lesen di PBT adalah seperti berikut :-

Kesemuanya telah pun menubuhkan melainkan Majlis Perbandaran Sepang, Majlis Daerah Kuala Selangor, Majlis Daerah Hulu Selangor, Majlis Daerah Sabak Bernam. Keanggotaannya akan dipengerusikan oleh Datuk Bandar atau Yang Dipertua PBT atau Timbalan Datuk Bandar atau Timbalan Yang Dipertua. Manakala ahli-ahli jawatankuasa boleh terdiri daripada Pengarah Pelesenan PBT, Ahli Majlis dan mantan Ahli Majlis sebagai ahli tetap dan Ahli Parlimen serta Ahli Dewan Negeri boleh dijemput sebagai pemerhati. Bilangan rayuan yang telah didengar setiap PBT dan bilangan rayuan yang dibenarkan adalah seperti berikut. Di Majlis Bandaraya Shah Alam bilangan rayuannya 317, yang dibawa ke mesyuarat setakat ini 22 dan mesyuarat akan diadakan dua kali sebulan. Petaling Jaya tidak ada rayuan diterima. Majlis Perbandaran Klang ada 10. Yang dibenarkan tidak ada. Majlis Ampang Jaya tiada. Majlis Subang Jaya belum lagi. Bagi Majlis Perbandaran Selayang masih belum mendapat rayuan kerana MPS akan melaksanakan pada tahun 2013 bagi Majlis Perbandaran Kajang 40 rayuan telah pun diterima dan 3 telah dibenarkan. Majlis Perbandaran Sepang belum menubuhkannya. Majlis Kuala Langat tiada rayuan. Majlis Daerah Kuala Selangor, Hulu Selangor dan juga Sabak Bernam belum ditubuhkan lagi.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Antara semua rayuan yang dikemukakan ada tak sebarang kes di mana kadar fi lesen ini diturunkan dan jika ada apakah jenis perniagaan tersebut?

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM: Seperti yang saya sebutkan tadi ada di Majlis Kajang tiga kes telah pun dibenarkan di mana rayuannya bererti diturunkan. Lainnya belum ada maklumat yang lengkap.

TUAN SPEAKER: Semenyih

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ: Soalan No. 14

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK : PENUBUHAN BADAN PERHUBUNGAN BERSAMA (BPB – JMB)

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah Projek Perumahan yang layak menubuhkan BPB di Selangor terutama di DUN Semenyih sehingga 2013?
- b) Apakah insentif dan bantuan Kerajaan Negeri bagi menggalakkan penubuhan BPB tersebut di Selangor?
- c) Apakah jenis bantuan yang diberikan kepada Projek Perumahan yang masih belum menubuhkan BPB tersebut di Selangor?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Berdasarkan kepada rekod Unit Pesuruhjaya Bangunan, Majlis Perbandaran Kajang terdapat sejumlah 37 kawasan pangsapuri di DUN Semenyih adalah tertakluk untuk menubuhkan jawatankuasa Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC) di kalangan pembeli atau pemilik petak di bawah Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan 2007) [Akta 663] atau Akta Hak milik Strata (1985) [Akta 318].

Daripada 37 kawasan yang layak sebanyak 25 kawasan telah berjaya menubuhkan JMB atau MC. Tetapi 12 kawasan lagi belum lagi dapat menubuhkan. Persoalan tentang apakah insentif yang diberikan untuk menggalakkan penubuhan JMB, Kerajaan Negeri melalui COB MPKj telah melaksanakan program dialog komuniti dan gotong-royong. COB MPKj juga telah melantik agen pengurusan di beberapa pangsapuri di DUN Semenyih untuk menjalankan kerja-kerja penyenggaraan dan pengurusan bangunan di samping mendidik penduduk mengenai kepentingan penubuhan Jawatankuasa JMB atau MC.

Selain daripada itu, lain-lain bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada pangsapuri-pangsapuri tersebut adalah seperti berikut :-

- i. Pemberian rebet air percuma secara automatik melalui pemotongan bil air pada meter individu atau skim *Selangor Free Water Agreement For Apartment (SAFWA)*.
- ii. Pemberian bantuan kewangan baik pulih harta bersama pangsapuri melalui Skim *Caring Government For Residents' Improvement Aid (CERIA)*.
- iii. Pemberian tong sampah.

Selain daripada itu terdapat banyak program-program untuk pangsapuri-pangsapuri. Contohnya yang terkini adalah program Skim Rondaan Keselamatan Dan Kejiranan (SEROJA). Jadi bermakna terdapat banyak program-program yang diturunkan kepada pangsapuri-pangsapuri samada kos rendah ataupun bukan kos rendah

untuk kita menggalakkan mereka menubuhkan JMB ataupun MC. Ini adalah sebahagian daripada program ataupun strategi kita untuk memberdayakan penduduk rumah pangsa atau pembangunan berstrata.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Terdapat pangsapuri-pangsapuri yang dibina oleh PKNS yang lama sampai sekarang tidak mampu untuk menubuhkan JMB dan mereka selesa diuruskan oleh PKNS. Apakah pandangan Y.B?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Sekiranya menurut akta akhirnya kesemuanya pangsapuri perlu menubuhkan JMB ataupun MC, dalam kes pangsapuri PKNS yang dibina oleh PKNS, PKNS ada banyak insentif untuk menggalakkan mereka membina atau menubuhkan JMB ataupun menubuhkan MC. Jadi bermakna proses ini adalah samada proses memujuk ataupun memberi insentif. Termasuk insentif kewangan pun ada diberi kepada pemilik-pemilik ini supaya mereka menubuhkan JMB ataupun MC.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Soalan No. 15.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK: PENGGUNAAN PERUNTUKAN RIZAB NEGERI (WANITA)

15. Mengikut Belanjawan 2014, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM30 juta daripada rizab negeri bagi agenda pemberdayaan wanita.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Bagaimana peruntukan ini telah/akan digunakan? Sila nyatakan pecahan perbelanjaan.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Untuk maklumat Damansara Utama, pihak Kerajaan Negeri telah memberikan komitmen untuk memperuntukkan peruntukan sebanyak RM30 juta daripada rizab Negeri bagi agenda pemberdayaan wanita bagi penggal ini. Perancangan telah pun dirangka dan disusun bagi penggunaan kewangan ini. Walau bagaimanapun, peruntukan ini hanya akan dibelanjakan setelah kelulusan oleh pihak Kerajaan Negeri dari sudut perincian

penggunaan dikemukakan. Oleh itu, satu kertas cadangan telah pun dibentangkan pada 23 April 2014 yang lalu pada Majlis Kerajaan Negeri yang pada dasarnya telah menerima kertas cadangan ini tetapi dengan sedikit pembaikan yang perlu dilakukan. Insya-Allah kalau tidak ada perancangan jika dapat kelulusan sepenuhnya, kelulusan penggunaan kewangan negeri ini akan dapat disalurkan secepat mungkin. Oleh itu, soalan yang dikemukakan oleh Damansara Utama berapakah pecahan perbelanjaan telah digunakan, jadi saya boleh jawab di sini disebabkan pada dasarnya baru diluluskan tidak ada langsung penggunaan daripada rizab itu digunakan. Yang digunakan sekarang adalah bajet daripada wang disatukan yang telah diluluskan oleh sidang bajet yang lepas untuk tahun 2014 sahaja.

Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Taman Medan

Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA: Apakah perincian yang telah dikemukakan untuk diluluskan?

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Di antara perincian besarnya dibahagi kepada tiga. Iaitu satu tentang bagaimana untuk menguruskan pusat wanita berdaya itu di mana di dalam perkara itu ada tiga perkara besar yang diberi tumpuan. Iaitu pertamanya untuk menambah pembaikan beberapa kakitangan di peringkat Kerajaan Negeri yang akan diuruskan di bawah UPEN dan juga Pejabat Daerah bersama pejabat EXCO Kerajaan Negeri. Untuk menjadikan badan yang menguruskan segala perancangan yang telah pun diluluskan di bawah Kerajaan Negeri atas dasar wanita Negeri Selangor. Di samping itu, kita juga mencadangkan supaya ada pelantikan khusus kepada penyelia wanita berdaya yang diberikan elaun sebagai satu insentif supaya mereka ataupun pusat wanita berdaya ini dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Jadi pelantikan seramai 56 wanita berdaya atau penyelia wanita berdaya akan dilangsungkan. Dan ketiganya, bagi pengurusan pusat wanita berdaya, satu peruntukan tahunan perlu disalurkan bagi aktiviti dan juga program-program yang telah digariskan di bawah dasar wanita negeri dapat dilaksanakan. Ini semua adalah disebabkan kekangan bila mana tidak ada jabatan yang khusus di bawah Jabatan Pembangunan Wanita yang mengendalikan hal ehwal wanita jadi segalanya perlu diwujudkan satu agensi yang sepatutnya. Yang keduanya, insya-Allah bantuan menaiktaraf usahawan-usahawan wanita terutama yang terlibat secara langsung dengan mikro kredit yang telah-pun diwujudkan oleh kerajaan. Kemungkinan besar peruntukan itu dalam RM10 juta untuk memberikan mereka ini lonjakan kepada program yang telah dilaksanakan. Yang ketiganya, adalah program-program langsung kepada mana-mana badan-badan yang ada secara langsung terlibat dalam program-program wanita samada NGO ataupun jabatan-jabatan lain yang mengendalikan sejajar dengan dasar wanita negeri.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Tuan Speaker

TUAN SPEAKER: Damansara Utama

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Soalan saya ialah bagaimanakah RM30,000,000.00 ini akan digunakan? Kalau ada kertas kerja, bagaimana kertas kerja perbelanjaan RM30,000,000.00 akan digunakan untuk tahun ini?

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Saya rasa Damansara Utama belum faham tentang ada dua peruntukan untuk program pusat wanita berdaya ini. Pertamanya, ianya adalah komitmen kerajaan untuk memperuntukkan melalui geran ataupun rizab negeri. Yang keduanya daripada peruntukan yang telah diluluskan sebanyak RM1 juta oleh Dewan Negeri ini untuk dibelanjakan tahun ini. Jadi, perincian untuk rizab negeri itu, saya telah jawab soalan Taman Medan tetapi tentang perincian tentang peruntukan yang berkaitan daripada wang negeri ianya hanya boleh dikemukakan terus kepada pejabat UPEN untuk mereka perincian samada program itu selaras dengan dasar wanita negeri. Kalau ianya benar, ianya akan diperuntukkan maksimum RM5,000.00 setiap program yang nak dilaksanakan. Itu jawapan saya.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Tuan Speaker

TUAN SPEAKER: Damansara Utama

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Maksudnya tiada apa-apa rancangan pun macamana RM30,000,000.00 ini digunakan? *So ini according to what is submitted the plan?*

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Sebenarnya rancangannya ada Damansara Utama. Tapi kalau saya nak bacakan ianya cukup lengkap dan kertas kerjanya pun ada bersama-sama dengan saya. Tetapi pecahan besarnya seperti yang saya katakan tadi, yang saya jawab melalui soalan daripada Taman Medan iaitu satu tentang saluran terus kepada pusat wanita berdaya. Yang keduanya, saluran terus kepada mereka yang aktif di dalam mikro kredit iaitu usahawan-usahawan wanita. Dan yang ketiganya adalah saluran terus kepada selain daripada pusat wanita berdaya adalah kepada mereka-mereka yang terlibat secara langsung iaitu NGO dan juga agensi-agensi yang lain. Perincian detailnya tak dapat saya ceritakan di sini sebab ia terlalu banyak untuk saya kemukakan. Tetapi kertas kerjanya ada di sini untuk dibentangkan. Insya-Allah.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Tuan Speaker

TUAN SPEAKER: Damansara Utama

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Saya nak perincian yang besar *for example*. 30% untuk PWB, 20% untuk usahawan wanita. Ini sahaja.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Ok. Kalau pecahan kewangannya ianya adalah sebanyak RM10 juta untuk disalurkan melalui pusat wanita berdaya. Yang RM10 juta itu jangkaan kita untuk membantu usahawan wanita. Selebihnya adalah satu perancangan yang mesti diteliti terlebih dahulu untuk disalurkan melalui sumber-sumber yang lain kepada mereka-mereka yang terlibat secara langsung dalam aktivisme wanita. Kalau kita tengokkan sepuluh-sepuluh itu akan diagihkan secara seimbang dan ianya akan melalui mekanisme yang saya cakap itu pusat wanita berdaya, usahawan wanita dan program-program lain telah dirancang di bawah dasar wanita negeri.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Seri Andalas

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Saya minta EXCO ini kalau ada kertas kerja yang ada siap sedia untuk berikan pada semua ADUN untuk kita teliti dengan dalaman macam mana gunakan duit RM30 juta ini. Bolehkah EXCO memberikan kertas kerja ini sebelum Dewan ini ditamatkan?

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Sebenarnya kertas kerja ini ada. Dan kita pun akan memanggil semua ADUN-ADUN untuk dibentangkan tetapi ianya tidaklah untuk dibentangkan di dalam ataupun diberikan sebelum ini sebab ianya perlu mendapat kelulusan Kerajaan Negeri terlebih dahulu. Sebagaimana yang saya jawab tadi, kertas kerja telah dibentangkan secara dasar telah diterima tetapi perlu sedikit pembaikan. Setelah kelulusan didapati saya akan bentangkan kepada semua ADUN untuk menyatakan bagaimanakah prosesnya akan dilaksanakan melalui Dewan-dewan Negeri ataupun DUN-DUN untuk pastikan semua ADUN faham dan mendapat manfaat yang sewajarnya di bawah wanita berdaya ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Baiklah. Sebelum saya memanggil soalan seterusnya, saya melihat jam menghampiri jam 11.30 pagi, dengan ini saya persilakan Y.A.B. Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut :-

“ Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini, mengikut peraturan 24(5) dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, tempoh pertanyaan pada hari ini hendaklah dilanjutkan sehingga jam 12.00 tengah hari. ”

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul dipersetujui.

Baiklah. Dengan ini saya memerintahkan bahawa tempoh pertanyaan dilanjutkan sehingga jam 12.00 tengah hari.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Soalan No. 16

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(BUKIT GASING)**

TAJUK : LEBUHRAYA KINRARA – DAMANSARA (KIDEX)

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah kelulusan yang diberi oleh Kerajaan Negeri atau PBT untuk pembinaan KIDEX sehingga hari ini?
- b) Tolong huraikan kelulusan yang diberi adalah dibawah undang-undang mana?
- c) Apa lagi kelulusan perlu sebelum pembinaan bermula, yang belum lagi diberi?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, Bukit Gasing membangkitkan tentang isu Lebuh Raya Kinrara - Damansara (Kidex). Untuk makluman Dewan perbincangan mengenai pembinaan Lebuh Raya telah diadakan sejak bulan Februari 2012 di mana perbincangan seperti Lebuh Raya KIDEX dan Lebuh Raya Pantai Bahru yang telah dijawab oleh Yang Berhormat EXCO dan dalam perjumpaan kita dengan Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM). Pada dasarnya Kerajaan Negeri menerima semua jenis-jenis projek pembinaan lebuh raya tapi jalanraya-jalanraya ini mestilah mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa pada tahun 1976. Selain daripada itu, kita telah menetapkan beberapa syarat yang sama seperti yang dinyatakan dalam syarat Lebuh Raya Pantai Barat iaitu :-

- i. Perjanjian yang adil (tidak berat sebelah) iaitu tidak memihak hanya kepada pemegang konsesi;
- ii. Meletakkan kepentingan awam sebagai keutamaan;
- iii. Memasukkan ke dalam perjanjian klausa penamatan awal (*early termination clause*) iaitu sekiranya pemegang konsesi telah mencapai *projected profit* bagi projek ini lebih awal daripada tempoh konsesi tamat, maka perjanjian hendaklah ditamatkan lebih awal setelah permohonan di bawah Seksyen 3 Akta Pengambilan Tanah 1960 dibuat; dan
- iv. Perkara disebut di atas diguna pakai bagi semua lebuh raya sediaada atau yang akan dibina.

Jadi perjanjian-perjanjian itu akan kita semak apabila kita hendak melaksanakan pengambilan tanah. Sekarang proses pengambilan tanah belum berlaku kerana ada beberapa perkara yang perlu dibuat. Sebagai contoh, KIDEX mesti mengemukakan tentang :-

- i. Laporan *Environment Impact Assessment* (EIA) dan *Social Impact Assessment* (SIA);
- ii. Laporan *Traffic Impact Assessment* (TIA); dan
- iii. Pelan Jajaran Lebuh Raya KIDEX.

Ini akan dilakukan sebagai pra syarat. Walau bagaimanapun, diletakkan tanggungjawab untuk memantau ini kepada Lebuh Raya Malaysia kerana Lebuh Raya Malaysia adalah yang akan memantau dan memiliki akhirnya lebuh raya-lebuh raya tersebut di bawah jagaan Kerajaan Persekutuan dan ini kita masukkan juga dalam beberapa program-program menyelesaikan masalah kesesakan jalan raya. Antara program-program yang kita buat termasuk usaha-usaha, hubungan kita dengan Kerajaan Persekutuan, menggalakkan penggunaan pengangkutan awam seperti perkhidmatan *Bus Rapid Transit* (BRT) Kuala Lumpur – Klang, *Mass Rapid Transit* (MRT) dan LRT yang juga Kerajaan Negeri memberikan sokongan untuk pelaksanaan itu dibuat dengan betul dan tepat.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Mengikut jawapan Y.A.B. Menteri Besar tadi :-

1. Jika pemeriksaan *Concession Agreement* (CA) tersebut menunjukkan bahawa klausa-klausa yang disyaratkan oleh Kerajaan Negeri tiada, adakah Kerajaan Negeri akan menyekat pengambilan tanah atau pun tidak?
2. Kajian *Impact Traffic* yang dikeluarkan oleh KIDEX baru-baru ini menunjukkan bahawa impak ke atas jalan-jalan di Petaling Jaya ini sangat minima. Hanya 5% apabila Lebu Raya siap pada 2018 dan hanya kurang 3% apabila sampai tahun 2028. Jadi dengan impak yang sangat

TUAN SPEAKER: Soalnya Bukit Gasing?

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Adakah Kerajaan Negeri akan lebih pro-aktif untuk memastikan sebarang pembinaan yang mengganggu penduduk memberi impak yang lebih besar?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Soalan yang pertama, seperti yang saya katakan. Sebelum Kerajaan Negeri menggunakan kuasa pengambilan tanah, dia akan menyemak tentang perkara-perkara yang perlu sebelum dia menggunakan kuasa Kerajaan Negeri untuk pengambilan-pengambilan tanah. Jadi Kerajaan Negeri berhak untuk tidak mengambil tanah. Berhak tapi tidak semestinya. Tapi Kerajaan Negeri telah memberikan galakan. Saya nak beritahu galakan untuk membina lebu raya-lebu raya di seluruh Selangor dan untuk tujuan menyelesaikan masalah kesesakan jalanraya-jalanraya. Itu *in principal* kita lakukan sejak tahun 2012 dan ini adalah komitmen Kerajaan Negeri untuk menentukan jalanraya-jalanraya ini dibina. Kalau tidak besok kita tidak mempunyai aliran-aliran jalanraya yang betul.

Kedua, soalan mengenai adakah *Social Impact Study* ini, saya pun belum membacanya lagi walaupun saya diberitahu. Tapi kita telah meminta. Saya bukan meminta KIDEX tapi saya telah meminta *Malaysian Highway Authority* untuk berbincang dengan Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor. Sebenarnya pada minggu lepas tetapi dia meminta saya satu (1) minggu untuk menerangkan perkembangan-perkembangan dan hasil-hasil lebuhraya-lebuhraya yang dilakukan di Negeri Selangor supaya kita akan tahu keadaan-keadaan semasa. Saya mungkin, kalau dia memberikan laporan *traffic study*, saya minta mereka terangkan. Saya tidak tahu berapa peratus. Dia akan terangkan dan Kerajaan Negeri akan melihat samada penerangan mereka mengutamakan kepentingan awam.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Soalan tambahan.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Banyaknya. Damansara Utama dahulu.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Saya nak tanya ialah :-

1. Apakah jangka masa yang kita letakkan untuk *Malaysian Highway Authority* atau pun syarikat konsesi supaya mendapatkan laporan-laporan ini sebab yang kita tahu sekarang, laporan teliti tidak dapat lagi. Yang kita tidak tahu ialah berapa lama kita kena tunggu.
2. Jangka masa ini penting sebab ada 3,000 lebih lot tanah telah dibeku sekarang. So, sekarang penduduk-penduduk pun susah juga sebab tanah telah dibeku.

Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Damansara, pada kebiasaannya kita diberitahu oleh *Highway Authority* iaitu *Malaysian Highway Authority*, Lembaga Lebuh Raya. Dia ada perjanjian awal sebelum dan dia ada apa yang dipanggil *Condition Precedent* juga. Biasanya antara 1 tahun ke-1 tahun setengah sebab dia memakan masa. Jadi kalau itu tidak berlaku maknanya *the arrangement lapse* dan kedua pihak tidak ada kepentingan di antara satu dengan lain.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Soalan tambahan.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya ingin bertanya samada laporan-laporan tentang EIA, TIA dengan *Social Impact* ini akan dikemukakan untuk bacaan awam?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, perkara ini ialah di bawah jagaan *Malaysian Highway Authority*. Tapi bagi pihak Kerajaan Negeri untuk Pihak Berkuasa Tempatan memberikan kelulusan-kelulusan dan tentang perkara ini, dokumen-dokumen ini mesti diberikan kepada Perancang Negeri dan juga Pihak Berkuasa Tempatan dan kita juga tidak, oleh kerana dokumen itu adalah hak *Malaysian Highway Authority*, kita hanya boleh membenarkan orang-orang yang terlibat dalam membuat keputusan untuk membaca dokumen tersebut. Apabila keputusan sudah dibuat atau pun sudah dilakukan dan permintaan untuk melihat dokumen-dokumen tersebut boleh diminta melalui *write to information*.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Tan Sri?

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Taman Medan dahulu.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Saya mohon Y.A.B. Menteri Besar menyatakan kronologi perbincangan yang bermula dari mula dengan KIDEX Sdn. Bhd. tentang cadangan pembinaan *highway* ini supaya dapat dicatat di dalam Dewan ini sehinggalah Kerajaan Negeri memberi persetujuan secara prinsip untuk pembinaan *highway* ini?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Soalan itu terkeluar tapi walau bagaimanapun saya akan.....

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Ini merupakan soalan bersama dengan soalan yang dibangkitkan oleh Bukit Gasing.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Ialah, saya akan berikan secara bertulis kerana saya tak ingat tarikh-tarikhnya dan kita ada rekod. Jadi kita akan berikan secara bertulis untuk diketahui. Jadi rekod sejak daripada tahun berapa kali kita ada mesyuarat dan di mana mesyuarat itu dilakukan. Boleh.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Mohon penjelasan.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Ingin saya mohon sedikit penjelasan kepada jawapan soalan tambahan Rawang. Semua laporan TIA, SIA, EIA dan sebagainya. Saya rasa lebih baik era *transparency* ini bahawa ia perlu dikemukakan kepada awam untuk pemeriksaan awam, untuk *feedback* daripada orang awam. Walaupun bukan tugas Kerajaan Negeri sebagai pemilik dokumen. Pemilik dokumen adalah Kerajaan Persekutuan tetapi saya rasa Kerajaan Negeri boleh buat penekanan. Jadi saya nak tanya Y.A.B. Tan Sri adakah Kerajaan Negeri akan menekan Kerajaan Persekutuan supaya mendedahkan semua laporan-laporan ini untuk pemeriksaan awam supaya *feedback* yang terbaik boleh diberi oleh semua *stakeholders* terutamanya di Petaling Jaya. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker, saya rasa perkara ini ada hubungannya dengan pelaksanaan *Corporate Governance* yang kita mesti jaga. Dalam peringkat awal iaitu semasa kita membuat kajian-kajian tersebut, beberapa perubahan-perubahan yang akan berlaku dalam kajian-kajian tersebut. Oleh sebab itu, kalau perkara ini dibentangkan semasa *preliminary study* ataupun kajian-kajian tersebut, ia tidak akan memberi satu keputusan yang lengkap. Oleh sebab itu, saya berpendapat apabila keputusan sudah dibuat dan juga beberapa kajian yang lengkap sudah dilakukan, sudah tentulah rakyat mesti mengetahui tentang mengapa

yang kita lakukan dan apa yang kita telah buat keputusan dan tatacara yang kita telah lakukan.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Ya, Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Soalannya ialah kalau semua laporan teliti sudah kita ada dan kita mendapati bahawa projek ini tidak memanfaatkan rakyat, adakah Kerajaan Negeri akan tidak meluluskan pengambilan tanah?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Kerajaan Negeri konsisten. Kerajaan Negeri hanya lakukan apabila mereka dah setuju tentang perkara tersebut. Jadi itu sebab Kerajaan Negeri tidak hendak kuasa Kerajaan Negeri tidak hendak kuasa Kerajaan Negeri itu hanya digunakan apabila kita sudah, *we are satisfied with the* tentang kebaikan kepada awam. Itu kuasa itu ada pada kita. Jadi kita tidak pula mengacau mereka dari segi membuat pelaksanaan dan seterusnya. Kita tidak boleh. Kita hanya gunakan kuasa bila dia dah, saya akan tanya, yang saya akan tanya bukan pemaju-pemaju dan juga konsesi-konsesi. Yang saya tanya ialah *Malaysian Highway Authority*. Betul tak ini akan, dan bila dia setuju dia akan menulis surat kepada Kerajaan Negeri semua sudah diambil kira. Kerajaan Negeri mempersoalkan perkara tersebut. Jika Kerajaan Negeri bersetuju mengambil kira tentang semua perkara ini, Kerajaan Negeri akan laksanakan pengambilan. Kalau tidak, tidak.

TUAN SPEAKER: Soalan tambahan yang terakhir ya, Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI: Terima kasih, Puan Speaker. Saya tertarik dengan jawapan Kerajaan Negeri walaupun kita dengar jawapan-jawapan yang diberikan itu agak konkrit tetapi saya juga ingin mencelah di sini, saya bimbang

TUAN SPEAKER: Soalannya Sri Muda?

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI: Saya perlu ceritakan sedikit Puan Speaker.

TUAN SPEAKER: Kena tanya soalan.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI: Ya, saya akan cerita, mesti jelaskan sedikit *background* itu. Saya dapati, saya agak ragu sedikit dengan keupayaan Kerajaan Negeri untuk mengawal pembinaan kerana kalau kita dapati contoh pembinaan jajaran LRT yang menghubungkan Kelana Jaya ke Putra Height sebagai contoh. Jajaran itu akhirnya sekarang ini menimbulkan masalah bila mana jajaran yang dipilih tidak berupaya untuk disiapkan disebabkan halangan-halangan

kerja tanah termasuk bongkah batu yang besar yang terpaksa menggunakan *dynamite* untuk memecahkan. Jadi saya fikir dulu pun Kerajaan Negeri memberi jaminan yang sama untuk pembinaan prasarana, membina jajaran LRT dan dalam projek KIDEX ini saya harap kesilapan itu tidak berulang dan saya menggesa Kerajaan Negeri dapatkan kajian yang sebetulnya sebelum memberikan kelulusan akhir kepada pembinaan, bukan sahaja prasarana, untuk projek-projek akan datang tetapi juga kepada projek KIDEX ini.

TUAN SPEAKER: Soalan?

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Soalan saya ialah apakah Kerajaan Negeri akan menggunakan *standard* yang sama seperti meluluskan pembinaan LRT dulu dengan pembinaan KIDEX ini. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih. Puan Speaker, perkara pelaksanaannya satu ialah apabila keputusan telah dibuat dan kedua proses pelaksanaan. Untuk itu saya telah mengadakan beberapa perbincangan tentang sama ada Kerajaan Negeri juga diberikan apa yang dikatakan kuasa untuk mengawasi perjalanan pelaksanaan. Jadi ada beberapa cadangan yang telah dinyatakan bahawa wakil Kerajaan Negeri boleh dimasukkan dalam projek *implementation* ataupun Kerajaan Negeri dibenarkan untuk memanggil *consulting firm* untuk memantau tetapi *reportnya* dibagikan kepada Kerajaan Negeri dan *Malaysian Highway Authority* ataupun prasarana akan membiayai pemantauan tersebut itu yang sekarang kita telah mengadakan perbincangan sebab kita dapati dari peringkat pelaksanaan Kerajaan Negeri hanya tahu apabila benda tak siap macam jadi itu sebab kita dan sebelum ini yang sebenarnya yang sebelum ini perkara pelaksanaan ini kalau projek dibuat oleh Kerajaan Persekutuan, Pegawai-pegawai Kanan Negeri diambil bekerja ataupun diberikan peluang untuk bersama-sama dalam segi pemantauan. Tapi sejak 2008 projek pemantauan yang dibuat oleh Unit ICU (*Implementation and Coordination Unit*) di Jabatan Perdana Menteri tidak lagi disamakan dengan Kerajaan Negeri sebab Unit Perancang Pelaksanaan sekarang adalah satu unit yang tidak bersama-sama dengan Kerajaan Negeri, ini untuk Negeri Selangor. Untuk Perak ataupun Pahang masih dibuat seperti sebelum 2008.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terakhir...

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Minta penjelasan.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Ini bukan soalan.

TUAN SPEAKER: Duduk, duduk.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Soalan sambungan, sikit sahaja.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama nak minta penjelasan terhadap jawapan. Okay, Sri Muda saya tak benarkan, Bukit Gasing saya tak benarkan.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Dato' Menteri Besar tadi katakan akan bagi semua mengikut keputusan *Malaysian Highway Authority* apa-apa keputusannya. Tetapi sekarang yang mungkin saya meragui sedikit keupayaan *Malaysian Highway Authority* untuk membuat keputusan yang terbaik untuk rakyat. Adakah...

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Saya tidak akan menjawab bagi pihak *Malaysian Highway Authority* satu. Kedua saya rasa perkara ini bukan sahaja akan dibangkitkan di Dewan Undangan Negeri juga akan dibangkitkan di Parlimen. Jadi kedua-dua pemantauan itu akan berlaku dan saya rasa *Malaysian Highway Authority* tahu keadaan sekarang ataupun keadaan 10 tahun yang lepas macam pembinaan Lebuhraya Utara Selatan, pembinaan sekarang dan semua pembinaan-pembinaan ini mesti melalui proses yang betul, *transparent* dan mempunyai tahap *corporate governance* yang boleh dipertahankan. Jadi saya rasa kita mesti memberikan apa itu *benefit of the doubt* kepada mereka sehingga kita lihat dokumen-dokumen mereka untuk penjelasan.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Atas jawapan yang tersebut, Puan Speaker terakhir.

TUAN SPEAKER: Minta penjelasan ya Yang Berhormat Kajang.

Y.B. DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL: Soalan, boleh?

TUAN SPEAKER: Okey Kajang.

Y.B. DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL: Ok terima kasih Puan Speaker. Saya ingin bertanya pada Menteri Besar kerana terdapat ramai rakyat di sekitar tempat KIDEX akan berlaku itu merasa sangsi jadi apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri yang meredakan keadaan dan memberikan jaminan dan perasaan bahawa pembelaan mereka akan terjamin kerana mereka kebanyakan adalah pengundi-pengundi. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Kajang, perkara yang jelas itu sebab Kerajaan Negeri memanggil dan meminta penjelasan daripada *Malaysian Highway Authority* sebab dia yang akan mengendalikan dan selepas itu kita akan mengadakan perjumpaan dengan penduduk bersama dengan *Malaysian Highway Authority* sebab penduduk akan nampak pemaju mempunyai kepentingan komersial tetapi *Malaysian Highway Authority* saya rasa dan saya anggap dan serupa juga Kerajaan Negeri tidak mempunyai kepentingan komersial tetapi untuk kepentingan untuk menjaga pembangunan itu dibuat dengan betul. Tapi sehingga persediaan *Malaysian*

Highway Authority itu lengkap kita tidak boleh berjumpa dengan masyarakat sebab akan ditanya jawapan dalam kajian, dalam pemikiran tak boleh jadi sebab itulah Kerajaan Negeri *revisit* seperti pada 15 Februari 2012 itu kita *revisit* tentang apa yang kita persetujui lepas itu akan membuka untuk bukan majlis penerangan, bukan itu bukan keputusan ialah majlis penerangan kepada rakyat.

TUAN SPEAKER: Paya Jaras, Bangi.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Speaker, Peraturan Tetap 2 saya mahu mengambil soalan nombor 17. Terima kasih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(PAYA JARAS)**

TAJUK: SEKOLAH DAN PELAJAR TAHFIZ

17. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah sekolah dan pelajar tahfiz yang berdaftar di dalam Negeri Selangor ?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memberikan elaun khas untuk pelajar tahfiz mengikut hafazan?

Y.B. PUAN HAJAH DR. HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih Puan Speaker dan terima kasih kepada Bangi. Jumlah sekolah tahfiz yang berdaftar di dalam Negeri Selangor ialah sebanyak 151 dan jumlah murid pelajar tahfiz adalah 3,182 orang. Kerajaan Negeri Selangor belum berhasrat memberi elaun khas memandangkan Lembaga Zakat Selangor telah mendermakan dermasiswa peruntukan Dermasiswa Huffaz pada pelajar tahfiz yang bersekolah di sekolah yang berdaftar dengan JAIS.

TUAN SPEAKER: Sri Serdang.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Selamat pagi Yang Dipertua. Nombor 18.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(SERI SERDANG)**

TAJUK: KURSUS PENDIDIKAN PASANGAN SUAMI ISTERI

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah Kerajaan mengkhususkan kursus kepimpinan dalam rumah tangga, memandangkan perceraian yang tinggi berlaku di Selangor ?
- b) Adakah Kerajaan bercadang mengadakan kursus psikologi untuk ibu bapa dalam mendidik anak-anak sewaktu menghadapi zaman media Elektronik?

Y.B. PUAN HAJAH DR. HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih Seri Serdang. Sebelum ini tiada lagi Kursus Kepimpinan di dalam rumah tangga di bawah Kerajaan Negeri Selangor. Satu agensi Kerajaan Negeri Selangor yang ada menguruskan Kursus Pra Perkahwinan adalah JAIS. Jawatankuasa GEMS memandang berat kadar perceraian yang tinggi khususnya merujuk kepada statistik JAIS maka Jawatankuasa GEMS telah pun di dalam Mesyuarat Jawatankuasa GEMS meminta JAIS mengkaji semula keberkesanan Kursus Pra Perkahwinan agar pasangan yang berkahwin faham objektif perkahwinan dengan membekalkan mereka dengan ilmu dan kemahiran melayari alam rumah tangga. Konsep kepimpinan dan langkah mitigasi perceraian. Buat masa ini JAIS ada melaksanakan kursus pasca perkahwinan untuk pasangan suami isteri. Program S.P.I.E.S. Keluarga yang dijalankan dalam skala yang masih kecil meliputi modul dengan izin *parenting skill* yang menitikberatkan kemahiran komunikasi antara ibu bapa dan anak, kaunseling keluarga yang menumpukan kepada kaedah menyelesaikan masalah dalam rumah tangga, memahami psikologi remaja yang bertujuan memahami perubahan emosi dan biologi remaja dan sebagainya lebih-lebih lagi untuk menangani isu khusus yang tercetus dengannya, ada alat elektronik yang seolah-olahnya adalah asas dengan majoriti remaja yang dikatakan menjadi pemangkin gejala sosial di kalangan tersebut. Di dalam dengan izin *routes map* S.P.I.E.S. D' Village, kerukunan dan kebahagiaan keluarga adalah elemen penting yang mahu dicapai maka dengan izin *enables* atau pemboleh S.P.I.E.S D' Village akan dilatih modul keluarga bahagia oleh dalam S.P.I.E.S D' Village fasa demi fasa dan ia akan bersifat *inclusive sinergstic* dan melibatkan akar umbi dan semua kaum. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tuan Speaker soalan nombor 19.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : INDUSTRI NUKLEAR DAN RADIOAKTIF

19. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor membenarkan pembangunan industri yang menggunakan bahan radioaktif dan nuklear dalam Selangor dan apakah syarat-syarat kelulusan sekiranya ada?
- b) Senaraikan industri yang menggunakan bahan radioaktif atau bahan nuklear serta jumlah hasil yang diterima oleh Kerajaan Negeri Selangor mengikut pecahan PBT?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, terima kasih kepada Rawang. Secara dasarnya Kerajaan Negeri Selangor telah menggariskan dalam strategi pembangunan perindustrian di Negeri Selangor di mana Kerajaan Negeri menggalakkan sektor industri yang berasaskan teknologi tinggi berasaskan pengetahuan, berintensifkan modal dan mesra alam. Ini bermaksud, dalam menarik pelaburan ke Negeri Selangor, Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan projek-projek pelaburan yang tidak mencemar alam sekitar serta yang tidak membahayakan keselamatan penduduk Selangor.

Secara dasarnya, Kerajaan Negeri tidak membenarkan pembangunan industri yang mengguna pakai bahan radioaktif dan nuklear dalam Selangor secara langsung. Bagi projek-projek yang melibatkan penggunaan bahan radioaktif atau nuklear perlu mendapat kelulusan daripada Lembaga Pelesenan Tenaga Atom, Selain itu, projek-projek yang dicadangkan tersebut perlu mendapat ulasan Penilaian Awal Tapak dan EIA daripada Jabatan Alam Sekitar di samping syarat-syarat perancangan pembangunan daripada PBT yang perlu dipatuhi.

Sehingga kini belum ada industri yang menggunakan bahan radioaktif atau bahan nuklear secara langsung yang diluluskan di Negeri Selangor. Sekian, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Batu Caves.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih Puan Speaker, soalan nombor 20.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK: HARGA RUMAH DAN HARTANAH

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam mengawal harga rumah yang melambung tinggi khususnya selepas pelaksanaan GST?
- b) Adakah Kerajaan Negeri dapat menjamin harga rumah mampu milik kekal walaupun selepas pelaksanaan GST ?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat Kerajaan sentiasa sedar tentang kenaikan harga rumah yang berlaku saban tahun dan ia dijangka akan lebih terkesan selepas pelaksanaan GST pada 1 April 2014. Walaupun rumah telah disenaraikan salah satu, 2015 silap. Walaupun rumah telah disenaraikan salah satu daripada 40 jenis barangan dan perkhidmatan yang tidak akan dikenakan cukai namun ia bukannya salah satu jaminan bahawa harga rumah tidak terkesan terhadap pelaksanaannya. Ini kerana semakin terhadap 40 jenis barangan tersebut mendapati barangan untuk pembinaan tidak termasuk dalam senarai tersebut. Ini secara tidak langsung membuktikan ia merupakan barangan yang akan dikenakan cukai dan dijangka memberi kesan secara langsung kepada harga rumah kelak. Untuk makluman Yang Berhormat juga, antara langkah yang boleh dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri dengan memohon kepada Kerajaan Persekutuan agar barang-barangan dan perkhidmatan yang melibatkan industri pembinaan perumahan khususnya melibat harga kawalan diberikan pelepasan cukai sepenuhnya.

Insya-Allah bermula 1 Januari 2014, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Dasar Perumahan Mampu Milik ataupun Rumah Selangorku di mana Kerajaan Negeri telah menetapkan bahawa bagi sesuatu projek di antara 5 hingga 10 ekar, 30% hingga 40% dari rumah-rumah yang dibina pada projek tersebut. Ini bergantung pada kedudukan mukim dan juga daerah mereka terpaksa atau pemaju perlu membina Rumah Selangorku yang berharga antara RM42,000.00 sehingga RM250,000.00 dan ini dengan sekali gus menetapkan bahawa harga-harga rumah di Negeri Selangor ini dikawal di bawah RM250,000.00 bagi kawasan-kawasan bagi projek-projek di mana 40% daripada rumah-rumah itu perlu di bawah RM250,000.00 iaitu Rumah Selangorku. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan 12.00 tengah hari, saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawakan Usul.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut :-

“ Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari ini dan Dewan akan disambung semula pada hari esok”.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli- Ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah pun disokong, saya kemukakan untuk mendapatkan persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang Bersetuju sila kata ya.

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT: Ya.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui. Dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan dan Dewan akan disambung semula pada 17 Jun 2014 jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari)